

Kerajaan akan jelaskan penutupan Bidong

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia akan mengemukakan butir terperinci mengenai penutupan Pulau Bidong yang dijadikan khemah sementara pelarian Vietnam di mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean di sini awal bulan depan.

Menteri Luar, Datuk Haji Abu Hassan Omar akan membentangkan perkara itu kepada rakan sejawatannya termasuk dari Vietnam di mesyuarat tiga hari itu yang bermula 6 Mac ini.

Difahamkan, Malaysia akan menegaskan langkah kerajaan untuk menutup pulau itu yang kini menempatkan 13,000 pelarian Vietnam, April ini.

"Mesyuarat ini penting untuk menegaskan pendirian kerajaan untuk menutup pulau berkenaan mengikut tarikh yang ditetapkan," kata sumber di sini hari ini.

Di mesyuarat itu, Malaysia juga akan menimbulkan soal penghantaran pulang semua pelarian itu ke negara asal apabila Pulau Bidong ditutup.

Perkara ini sudah dimaklumkan kepada kerajaan Vietnam oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba ketika membuat lawatan rasmi ke negara itu Ogos lalu.

Encik Ghafar menyampaikan perkara itu kepada Menteri Luar Vietnam, Encik Nguyen Co Tach dan Vietnam bersedia menerima semula pelarian itu.

Berikutan itu juga, Vietnam menghantar pegawai-pegawainya ke sini baru-baru ini menemui pelarian di Pulau Bidong untuk menentukan penghantaran pulang mereka ke negara asal.

"Malaysia perlu menegaskan pendiriannya bahawa ia tidak akan berganjak untuk menutup pulau berkenaan di mesyuarat kali ini, lebih-lebih lagi tarikhnya hampir dekat," katanya.

Sementara itu, ketibaan pelarian dari Vietnam di Pulau Bidong dilaporkan meningkat sejak beberapa bulan lalu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia